



28 Julai 2017
28 July 2017
P.U. (A) 226

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH SEKATAN BERAT (JALAN PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2017

WEIGHT RESTRICTIONS (FEDERAL ROADS) (AMENDMENT) ORDER 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH SEKATAN BERAT (JALAN PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan) (Pindaan) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Julai 2017.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan) 1989 [*P.U. (A) 478/1989*] dipinda dalam Jadual Pertama berhubung dengan kepala “JENIS KENDERAAN”—

(a) di bawah subkepala “KENDERAAN TEGAR”, dalam ruang “*Jalan-jalan yang dinyatakan dalam Senarai I Jadual Kedua*”—

(i) berhubung dengan butiran “2-Gandar”, dengan menggantikan perkataan “18” dengan perkataan “19”; dan

(ii) berhubung dengan subbutiran 3 butiran “3-Gandar”, dengan menggantikan perkataan “26” dengan perkataan “27”; dan

(b) di bawah subkepala “KENDERAAN BERSENDI”, dalam ruang “*Jalan-jalan yang dinyatakan dalam Senarai I Jadual Kedua*”—

(i) berhubung dengan butiran “3-Gandar”, dengan menggantikan perkataan “30” dengan perkataan “31”;